



FEMA

4 Oktober, 2021

DR-4615-NY NR 009

Meja Berita Negeri: (518) 474-8418

Meja Berita FEMA: (202) 322-6071

E-mel: [fema-4615ny@fema.dhs.gov](mailto:fema-4615ny@fema.dhs.gov)

## Hebahan Berita

### Belanjakan Dana FEMA Secara Berhemat

NEW YORK -- Pada masa mangsa-mangsa bencana yang layak mula menerima dana bantuan bayaran sewa, pembaikan rumah, atau kategori-kategori bantuan yang lainnya, yakinlah bahawa dana bantuan bencana persekutuan ini bebas daripada cukai. Surat notifikasi FEMA akan memberi penerangan kepada anda mengenai penggunaan dana bencana yang bersesuaian. FEMA menggesa anda untuk menggunakan dana tersebut seperti yang dinyatakan dalam surat peruntukan anda dan hanya bagi perbelanjaan yang berkaitan dengan bencana.

Berikut beberapa panduan berguna:

FEMA akan mengirimkan surat notifikasi yang memberitahu anda mengenai jenis-jenis bantuan yang layak anda terima dan jumlah bantuan yang akan diberikan FEMA untuk setiap keperluan yang memenuhi syarat. Ini termasuk:

- Pebaikan rumah (contohnya, struktur, air, septik dan sistem kumbahan).
- Bantuan bayaran sewa untuk tempat tinggal sementara yang berbeza
- Membaiki atau mengganti kenderaan utama yang rosak.
- Perbelanjaan perubatan yang bukan di bawah insurans bagi kecederaan yang disebabkan oleh bencana.
- Membaiki atau mengganti alat-alat khas pekerjaan.
- Bahan-bahan keperluan pendidikan (contohnya, komputer, buku-buku sekolah, peralatan sekolah).
- Perbelanjaan berpindah dan penyimpanan barang yang berkaitan dengan bencana dan perbelanjaan lain yang berkaitan dengan bencana.

Anda boleh membelanjakan dana FEMA tersebut dengan cara yang boleh menjadikan rumah anda selamat, bersih dan sesuai untuk dihuni. Pastikan anda mendokumentasikan bagaimana anda menggunakan dana bencana tersebut dan menyimpan semua resit sekurang-kurangnya selama tiga tahun sebagai bukti bagaimana anda membelanjakannya.

Dana bencana ini bukanlah untuk perbelanjaan hidup biasa, seperti utiliti, makanan, bil perubatan atau pergilian, perjalanan, hiburan, atau sebarang perbelanjaan yang tidak berkaitan langsung dengan bencana.

Undang-undang persekutuan melarang menduplikat bantuan daripada sumber lain.

Anda boleh memohon bantuan FEMA di [DisasterAssistance.gov](https://DisasterAssistance.gov), menggunakan aplikasi mudah alih FEMA atau menghubungi Talian Bantuan FEMA di 800-621-3362 (711 / VRS). Talian dibuka dari jam 8 pagi hingga 7 malam tujuh hari seminggu, dan operator boleh menghubungkan anda dengan pakar yang boleh bertutur dalam bahasa anda. Sekiranya anda biasa menggunakan perkhidmatan geganti seperti perkhidmatan geganti video, perkhidmatan telefon kapsyen atau lain-lain, sila beri FEMA nombor untuk perkhidmatan tersebut

Untuk rujukan ke agensi-agensi yang memberi bantuan keperluan khusus komuniti, hubungi pusat 211Counts terdekat di <https://www.211nys.org/contact-us> di New York City, hubungi 311. Bagi luar kawasan, hubungi 211.

Untuk maklumat rasmi mengenai usaha pemulihan akibat taufan, layari [www.fema.gov/disaster/4615](https://www.fema.gov/disaster/4615). Ikuti kami di Twitter di [twitter.com/femaregion2](https://twitter.com/femaregion2) dan [www.facebook.com/fema..](https://www.facebook.com/fema)

# # #

Misi FEMA membantu mereka sebelum, semasa, dan selepas bencana.